

# 1,000 mahasiswa meriahkan Karnival Sukan Antara Universiti di UPM



**SARAVANAN** (kiri) pada sidang akhbar majlis pengundian Karnival Sukan Antara Universiti di Putrajaya semalam. Turut kelihatan Kamalanathan (tengah) dan Mohan.

Oleh JUNHAIRI ALYASA

**PUTERA** MIC dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan (KBS) akan menganjurkan Karnival Sukan Antara Universiti di Universiti Putra Malaysia (UPM) edisi kedua melibatkan seramai 1,000 mahasiswa selama tiga hari bermula esok.

Timbalan Menteri-nya, Datuk Seri G. Saravanan berkata, karnival tersebut yang memabitkan dua acara sukan iaitu bola sepak dan badminton bertujuan

memupuk silaturahim serta perpaduan dalam kalangan mahasiswa terutama dalam kalangan masyarakat India.

"Ini adalah sebahagian daripada usaha kerajaan untuk melahirkan ramai atlet bertaraf antarabangsa dalam kalangan masyarakat India," katanya dalam sidang akhbar pada majlis pengundian Karnival Sukan Antara Universiti di Putrajaya semalam.

Hadir sama Timbalan Menteri Pendidikan, Datuk P. Kamalanathan

dan Naib Presiden MIC merangkap Presiden Persatuan Bola Sepak India (MIFA), Datuk T. Mohan.

Dalam pada itu, Saravanan berkata, pihaknya berusaha untuk mencungkil lebih ramai atlet sukan dalam kalangan kaum India menerusi penganjuran pelbagai kejohanan sukan dan Sukan India Malaysia (Sukim) yang diadakan pada setiap tahun.

"Kita sudah mempunyai Sukan Malaysia (Sukma) yang diadakan secara dwitahunan

dan untuk mencungkil lebih ramai bakat baharu, maka kita wujudkan Sukim sebagai satu cara untuk menggalakkan rakyat terlibat secara aktif dalam sukan," katanya.

Selain temasya itu, satu sesi *townhall* akan diadakan hari ini yang dikendalikan oleh Kamalanathan bertujuan memberi peluang kepada mahasiswa mengetengahkan idea dan cadangan kepada kerajaan serta mendapatkan penjelasan terhadap isu-isu semasa.